

Bil. S 27

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH SYARIKAT PETROLEUM KEBANGSAAN BRUNEI SENDIRIAN BERHAD
(PINDAAN) (BIL. 2), 2003**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraihan (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad (Pindaan) (Bil. 2), 2003.

Pemasukan bab 12A baru ke dalam S 6/02.

2. Perintah Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad, 2002 adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 12 —

"Audit.

12A. Akaun-akaun Syarikat hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Syarikat:

Dengan syarat bahawa jika akaun-akaun Syarikat telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan (b), akaun-akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung."

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 24 haribulan Mac, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM